

PERBANDINGAN PERLAKSANAAN KAEDAH PENGURUSAN KESELAMATAN BAGI
PROJEK PEMBINAAN KONVENSIONAL DENGAN SISTEM BINAAN BERINDUSTRI

(IBS)

ROSARIAH BINTI AWANG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Industri pembinaan di Malaysia kini melangkah ke arah perubahan iaitu daripada industri yang menggunakan teknologi konvensional kepada yang lebih sistematik. Kaedah sistematik ini dikenali sebagai Sistem Binaan Berindustri di mana komponen pasang siap diperbuat di kilang, diangkut dan kemudian dipasang menjadi sebuah struktur dengan kerja di tapak yang minimum. Walau bagaimanapun, kemalangan yang sering terjadi di kawasan tapak bina masih tidak dapat dibendung sepenuhnya. Kegagalan mempraktikkan kaedah pembinaan yang betul boleh membawa kepada kemalangan seterusnya menyebabkan kecederaan yang serius kepada para pekerja malah kadang kala membawa kepada kematian. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti kaedah pengurusan keselamatan bagi projek pembinaan konvensional dan IBS serta mengenalpasti perbandingan pelaksanaan kaedah pengurusan keselamatan bagi kedua-dua projek ini. Pengumpulan data telah dibuat melalui kajian literatur dan soal selidik. Selain itu, temu bual tidak berstruktur juga telah dijalankan sebagai penjelasan kepada data-data yang telah dikumpulkan. Hasil kajian didapati, pembinaan konvensional dan IBS ada mengamalkan kaedah pengurusan keselamatan di tapak bina serta terdapat perbandingan kaedah pengurusan keselamatan bagi kedua-dua projek ini. Dapat disimpulkan bahawa projek pembinaan IBS mempunyai kaedah pengurusan keselamatan yang lebih baik berbanding projek pembinaan konvensional.

ABSTRACT

Nowadays, construction industry in Malaysia evolves from the industry that used the conventional technology to more systematic. This systematic method known as Industrialized Building System (IBS) where the components were prefabricated at the factory haul and then assembled into a structure with a minimum work on site. However accidents still happen on site. Inability to practice the correct construction methods may lead to an accident that could cause serious injuries to workers and in some cases may lead to death. Therefore, this study was carried out to identify the safety management method for conventional construction project and IBS and to compare the implementation of these safety management aspects. Data collections have been done by literature review and questionnaire. Non-structural interview also have been done to describe the data. Findings from the research found that, conventional and IBS method are practicing the safety management method at the construction site and both have different methods. As the conclusion, IBS methods are better in term of safety management aspect than conventional method of construction.